



MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/3

BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR (INDIVIDU)
Kertas 3

NASKHAH
PENTAKSIR

Isi Kandungan Taksiran Individu

Taksiran Individu 1:	Keselamatan – Keselamatan Kanak-kanak Tanggungjawab Bersama
Taksiran Individu 2:	Kebudayaan, Kesenian dan Estetika – Indah dan Unggul Kraf Tangan Malaysia
Taksiran Individu 3:	Sains, Teknologi dan Inovasi – Jom Kuasai Kecerdasan Buatan (AI)
Taksiran Individu 4:	Pertanian, Penternakan dan Perikanan – Penternakan Pintar
Taksiran Individu 5:	Pelancongan – Agropelancongan Nadi Baharu Ekonomi Malaysia
Taksiran Individu 6:	Sukan dan Rekreasi – Cabaran Mendaki Bukit Saga
Taksiran Individu 7:	Pendidikan – SEAMEO RECSAM Perkaya Pendidikan
Taksiran Individu 8:	Kesihatan dan Kebersihan – Buah Naga Buah Khasiat

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KESELAMATAN KANAK-KANAK TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Ibu bapa, penjaga mahupun pengasuh di negara ini perlu mengambil maklum mengenai tanggungjawab dalam usaha memastikan kebajikan anak-anak dalam jagaan sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan sejahtera. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan kes keselamatan kanak-kanak di negara ini dilihat berleluasa dan tidak masuk akal. Sebagai contohnya, salah satu kes yang dilaporkan ialah kes seorang budak lelaki berusia enam tahun yang memandu kereta sejauh lebih 2.5 kilometer untuk ke kedai pada waktu malam dengan hanya ditemani adik lelakinya yang berumur tiga tahun. Keretanya terbabas dan melanggar tiang lampu di Jalan Bukit Tangga, Simpang Kenyum, Langkawi. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 43 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Seksyen 31(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jangan Ambil Remeh Isu Keselamatan Anak-anak'
Majlis Keselamatan Negara

SOALAN

- 1 Mengapakah ibu bapa, penjaga dan pengasuh di negara ini perlu mengambil maklum mengenai tanggungjawab mereka?
- 2 Apakah kes keselamatan kanak-kanak yang dikatakan tidak masuk akal berdasarkan petikan ini?
- 3 Huraikan kesan-kesan sekiranya keselamatan kanak-kanak dipandang remeh.
- 4 Pada pendapat anda, apakah tindakan untuk meningkatkan keselamatan kanak-kanak?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INDAH DAN UNGGUL KRAF TANGAN MALAYSIA



Perkembangan reka bentuk produk Kraf Malaysia banyak memberikan penekanan tentang nilai estetika dan nilai komersial. Inspirasi reka bentuk, kepelbagaian warna, olahan motif daripada sumber alam semula jadi serta pengaruh adat dan kehidupan seharian menjadikan produk kraf Malaysia beridentiti tempatan. Kemampanan dalam kreativiti, kepakaran untuk mereka bentuk dan kehalusan hasil kerja tangan pengusaha kraf telah menyumbang kepada kelestarian seni kraf tempatan. Penglibatan komuniti kraf yang berbilang bangsa dan kaum termasuk etnik di Sabah dan Sarawak telah mencerminkan penyatuan dalam pemeliharaan kebudayaan negara. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia selaku agensi peneraju dalam industri kraf sentiasa memperkasakan komuniti kraf setempat untuk menghasilkan dan memasarkan produk kraf tempatan yang lebih menarik dan berkualiti seiring dengan permintaan pasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
laman web rasmi
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

SOALAN

- 1 Nyatakan faktor-faktor yang menjadikan produk kraf Malaysia beridentiti tempatan.
- 2 Apakah peranan atau fungsi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia?
- 3 Jelaskan punca generasi muda kurang meminati kraf tangan tempatan.
- 4 Pada pendapat anda, bagaimanakah industri kraf tangan tempatan dapat dimajukan?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

JOM KUASAI KECERDASAN BUATAN (AI)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa rakyat Malaysia untuk memastikan teknologi kecerdasan buatan (AI) diperluas dan segera dilaksanakan supaya negara tidak ketinggalan dalam bidang itu. Jelasnya, kita harus belajar berdasarkan strategi pendidikan dan pelaksanaan AI di negara-negara ASEAN yang lain. Dalam hal itu, Perdana Menteri berkata, pendedahan bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) harus diberi penekanan dan ditingkatkan dengan memastikan sesiapa sahaja yang berminat dapat memanfaatkan program yang disediakan oleh kementerian mahupun agensi kerajaan. Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, latihan berkaitan AI dan TVET mesti memberikan peluang kepada semua penduduk di setiap kawasan bagi mengelakkan berlakunya jurang keupayaan antara kawasan bandar dengan kawasan pedalaman.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Harus Segera Kuasai Teknologi AI, Hindar Ketinggalan'
berita.rtm.gov.my

SOALAN

- 1 Apakah yang harus kita lakukan supaya negara tidak ketinggalan dalam bidang teknologi kecerdasan buatan atau AI?
- 2 Mengapakah latihan berkaitan AI dan TVET mesti memberikan peluang kepada semua penduduk di setiap kawasan?
- 3 Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi sekiranya rakyat Malaysia ketinggalan dalam teknologi AI?
- 4 Huraikan kepentingan teknologi dalam kehidupan anda.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENTERNAKAN PINTAR

Kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bermatlamat untuk memodenkan industri penternakan dan mengubah landskap penternakan kepada penternakan pintar selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030. Pemodenan industri penternakan ini memerlukan dana pembiayaan dan sokongan institusi kewangan kerana kos yang tinggi. Oleh hal yang demikian, pengeluaran perlu dikawal dan ditingkatkan supaya bekalan makanan sentiasa berterusan pada harga yang stabil dan berpatutan demi kepentingan rakyat. Pengurangan kebergantungan terhadap tenaga kerja terutamanya pekerja asing dengan penggunaan teknologi automasi dan mekanisasi juga merupakan satu lagi pembaharuan dalam industri ini. Sesungguhnya, sektor penternakan adalah penting kerana berupaya untuk membekalkan sumber protein kepada rakyat Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Prospek Industri Penternakan'
www.kpkm.gov.my

SOALAN

- 1 Apakah matlamat kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar?
- 2 Nyatakan satu pembaharuan dalam industri penternakan.
- 3 Jelaskan kepentingan industri penternakan kepada negara.
- 4 Huraikan persediaan untuk seseorang menceburi bidang penternakan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA : PELANCONGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AGROPELANCONGAN NADI BAHARU EKONOMI MALAYSIA



Agropelancongan ialah satu konsep pelancongan yang menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan kepada para pelancong. Sebagai negara yang kaya dengan hasil pertanian dan mempunyai hasil bumi yang subur dan pelbagai, agropelancongan menjadi semakin popular di Malaysia. Antara aktiviti yang mendapat sambutan dalam agropelancongan ini ialah lawatan ke dusun buah-buahan dan ladang ternakan, pusat penyelidikan, inap desa dan sebagainya. Satu daripada destinasi agropelancongan yang menarik ialah Taman Agroteknologi MARDI di Langkawi, Kedah. Sebagai pusat pemindahan teknologi dan penyebaran maklumat berkaitan dengan pertanian, tempat ini juga sangat istimewa kerana membolehkan pelancong melawat ladang sayur-sayuran berteknologi tinggi dan dusun buah-buahan dengan menaiki trem.

Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
www.motac.gov.my

SOALAN

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan agropelancongan?
- 2 Nyatakan keistimewaan Taman Agroteknologi MARDI di Langkawi, Kedah.
- 3 Apakah faktor-faktor yang dapat menarik kedatangan pelancong ke Malaysia?
- 4 Jelaskan kepentingan industri pelancongan kepada negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

CABARAN MENDAKI BUKIT SAGA

Satu daripada lokasi terbaik yang menjadi pilihan peminat aktiviti mendaki ialah Bukit Saga di negeri Selangor. Namun begitu, laluan mendaki Bukit Saga melalui Taman Saga adalah sangat mencabar. Hal ini dikatakan demikian kerana di sepanjang laluan, seseorang itu perlu meredah lereng yang curam, cerun yang licin dan halangan lain seperti akar dan dahan pokok. Kira-kira dua jam selepas seseorang mendaki Bukit Saga, air terjun yang menyegarkan akan terpampang di depan mata. Pendaki boleh berehat sambil mendengar bunyi air mengalir ke sungai tanpa sebarang gangguan. Memandangkan trek mendaki ini merupakan laluan yang mencabar, pendaki perlu membungkus makanan ringan dan membawa air secukupnya untuk mengekalkan tenaga sepanjang aktiviti pendakian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sepuluh Tempat Mendaki Terbaik di Selangor 2024'
myweekendplan.asia

SOALAN

- 1 Mengapakah aktiviti mendaki Bukit Saga dikatakan sangat mencabar?
- 2 Bagaimanakah pendaki dapat mengekalkan tenaga sepanjang aktiviti pendakian?
- 3 Pada pendapat anda, apakah kebaikan aktiviti rekreasi kepada kita?
- 4 Jelaskan usaha untuk menggalakkan remaja menjalani aktiviti riadah dan rekreasi.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEAMEO RECSAM PERKAYA PENDIDIKAN



Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) ialah sebuah organisasi antara negara serantau yang ditubuhkan pada tahun 1965. SEAMEO RECSAM yang berpusat di Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai program yang melibatkan murid-murid, golongan pendidik, dan ibu bapa. SEAMEO RECSAM telah berjaya menarik perhatian pelbagai pihak termasuk para pendidik negara-negara lain di dalam dan di luar Asia Tenggara. Keadaan ini mencerminkan kualiti inovasi pendidikan yang dilaksanakan oleh pusat serantau ini. Kejayaan program yang dilaksanakan oleh pihak SEAMEO RECSAM ini terbukti apabila sekumpulan saintis muda tanah air berjaya mengharumkan nama negara. Mereka merangkul kemenangan dalam pertandingan yang diadakan dalam Kongres Serantau Mencari Saintis Muda SEAMEO kali ke-11.

Dipetik dan diubah suai daripada
'SEAMEO RECSAM: Impak terhadap Dunia Pendidikan'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

SOALAN

- 1 Apakah itu SEAMEO?
- 2 Nyatakan satu kejayaan program SEAMEO RECSAM.
- 3 Jelaskan usaha-usaha untuk menarik minat murid-murid melibatkan diri dalam pelbagai program di sekolah.
- 4 Pada pendapat anda, apakah faedah yang diperolehi murid-murid apabila mereka menyertai sesuatu pertandingan?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BUAH NAGA BUAH KHASIAT

Kulitnya yang berwarna merah serta bentuknya yang unik pasti memikat hati kita untuk mencubanya. Itulah buah naga, sejenis buah-buahan tropika yang boleh dimakan begitu sahaja ataupun dinikmati dalam bentuk jus. Buah ini dikenali sebagai buah naga kerana bahagian luar kulitnya berwarna merah terang serta mempunyai ‘sisik’ hijau seakan-akan seekor naga. Tetapi tahukah anda, apakah khasiat buah yang mempunyai rasa manis dan masam ini? Antara keistimewaan utama buah naga yang menjadikannya buah yang sangat berkhasiat ialah kandungan antioksidannya yang tinggi. Antioksidan penting kerana merupakan komponen yang memelihara sel dalam badan daripada radikal bebas, iaitu sejenis bahan yang dikaitkan dengan penyakit kronik serta penuaan. Oleh sebab itu, isi buah naga yang mengandungi pelbagai jenis bahan antioksidan ini akan menjamin kesihatan kita sekiranya kita kerap mengambilnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Sepuluh Khasiat Buah Naga kepada Kesihatan’
rootofscience.com

SOALAN

- 1 Mengapakah buah ini dikenali sebagai buah naga?
- 2 Apakah kepentingan antioksidan kepada kesihatan kita?
- 3 Jelaskan cara-cara untuk menggalakkan rakyat Malaysia makan buah-buahan tempatan.
- 4 Huraikan kesan negatif sekiranya rakyat Malaysia tidak mengamalkan pemakanan yang sihat.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/3

BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR (KUMPULAN)
Kertas 3

NASKHAH
PENTAKSIR

Isi Kandungan Taksiran Kumpulan

- Taksiran Kumpulan 1:** Perpaduan
- Taksiran Kumpulan 2:** Bahasa dan Kesusasteraan
- Taksiran Kumpulan 3:** Sejarah dan Warisan
- Taksiran Kumpulan 4:** Kerjaya

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 *markah*]

TEMA: PERPADUAN

Kehidupan masyarakat majmuk yang rukun dan harmoni perlu dikekalkan.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 *markah*]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Setiap rakyat Malaysia harus menguasai bahasa Melayu dengan baiknya.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 3

[30 *markah*]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Warisan Malaysia seperti muzik, kraf tangan, pakaian dan makanan tradisional mesti dipertahankan.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 4

[30 *markah*]

TEMA : KERJAYA

Persiapan yang rapi amat diperlukan untuk memastikan kerjaya idaman seseorang dapat dicapai.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/3

BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR
Kertas 3

PANDUAN PENSKORAN

RUBRIK PENSKORAN UJIAN BERTUTUR INDIVIDU (ANALITIK)

TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	ASPEK YANG DITAKSIR	PENERANGAN
CEMERLANG (9 – 10 markah)	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa gramatis, penggunaan dan kosa kata sangat tepat dan sangat betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan sangat tepat, sangat jelas , intonasi dan nada sangat betul seperti penutur jati . Intonasi sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan . Nada seperti penutur jati.
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan sangat petah, sangat fasih, sangat bertatasusila dan beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea sangat relevan dan tepat dengan tugas, diuraikan dengan sangat jelas dan sangat matang mengikut konteks.
KEPUJIAN 7 – 8 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan betul, jelas dan tepat . Kebanyakan intonasi dan nada betul seperti penutur jati .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan petah, fasih, bertatasusila dan beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea relevan dan tepat mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang mengikut konteks.
BAIK 5 – 6 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa masih gramatis , penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan masih betul, masih jelas dan masih tepat . Kebanyakan intonasi dan nada masih betul .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan masih petah, masih fasih, masih bertatasusila dan beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas .
PENGUASAAN MINIMUM 3 – 4 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa kurang gramatis , penggunaan kosa kata kurang tepat, kurang betul dan kadangkala salah .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Kebanyakan intonasi kurang betul, kurang jelas dan kurang tepat . Intonasi banyak salah.
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan kurang petah, kurang fasih, kurang bertatasusila dan kurang beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas . Kadangkala bercampur aduk.
TIDAK MENCAPAI PENGUASAAN MINIMUM 1 – 2 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Keseluruhan bahasa dan kosa kata lemah .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Keseluruhan sebutan, intonasi dan nada lemah serta tidak betul .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan tidak fasih, tidak petah, tidak bertatasusila dan tidak beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea tidak menepati bahan rangsangan.

RUBRIK PENSKORAN UJIAN BERTUTUR KUMPULAN (HOLISTIK)

TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
CEMERLANG (26 – 30 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan. • Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata sangat tepat dan sangat betul. • Sebutan sangat tepat, sangat jelas, intonasi dan nada sangat betul seperti penutur jati. • Keseluruhan pengucapan sangat petah dan sangat fasih.	• Amat aktif dan memberikan respons dalam kumpulan. • Mempunyai keyakinan diri yang tinggi. • Melontarkan idea baharu yang matang. • Menggunakan kesantunan berbahasa secara bertatasusila semasa membuat celahan. • Penyampaian amat menarik dan menjadi teladan.
SANGAT BAIK (21 – 25 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak dan terperinci. • Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul. • Sebutan tepat, jelas, intonasi dan nada betul. • Keseluruhan pengucapan petah dan fasih.	• Aktif dan memberikan respons dalam kumpulan. • Mempunyai keyakinan diri. • Melontarkan idea yang baharu. • Menggunakan kesantunan berbahasa semasa membuat celahan. • Penyampaian menarik dan berkesan.
BAIK (16 – 20 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap kukuh. • Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul. • Sebutan masih tepat, masih jelas, dan masih berintonasi. • Keseluruhan pengucapan masih petah dan masih fasih. • Keseluruhan pengucapan masih mencapai maksud, masih tepat dan masih bertatasusila.	• Masih memberikan respons dalam kumpulan. • Masih mempunyai keyakinan diri. • Melontarkan idea yang baharu. • Menggunakan kesantunan berbahasa semasa membuat celahan. • Penyampaian masih menarik.

TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
MEMUASKAN (11 – 15 Markah)	• Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi pada tahap memuaskan. • Bahasa kurang gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata kurang tepat. • Kebanyakan sebutan kurang tepat, kurang jelas, dan kurang berintonasi. • Kebanyakan pengucapan kurang petah dan kurang fasih. • Keseluruhan pengucapan kurang mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila.	• Kurang memberikan respons dalam kumpulan. • Kurang keyakinan diri. • Kurang melontarkan idea yang baharu. • Tiada memberikan celahan. • Penyampaian kurang menarik.
PENGUASAAN MINIMUM (6 – 10 Markah)	• Mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi pada tahap terhad. • Bahasa tidak gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata terhad. • Kebanyakan sebutan tidak tepat, tidak berintonasi dan terhad. • Keseluruhan pengucapan tidak mencapai maksud, tidak tepat dan terhad.	• Pasif dan kurang memberikan respons dalam kumpulan. • Kurang keyakinan diri. • Lontaran idea baharu terhad. • Tiada memberikan celahan. • Penyampaian terhad.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (1 – 5 Markah)	• Mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi pada tahap sangat terhad. • Kemahiran berbahasa, penggunaan perkataan dan kosa kata sangat terhad. • Kebanyakan sebutan tidak tepat, tidak berintonasi dan sangat terhad. • Keseluruhan pengucapan tidak mencapai tahap minimum, tidak fasih dan sangat terhad.	• Amat pasif dan tidak memberikan respons dalam kumpulan. • Tiada keyakinan diri. • Lontaran idea baharu amat terhad. • Tiada memberikan celahan. • Penyampaian amat terhad.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT